



**SEKOLAH SUKAN BUKIT JALIL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan bahagaian **Kementerian Kewangan Malaysia** (MOF) dalam Kod Bidang berkaitan bagi menyertai sebut harga berikut :

BIL.	NO SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN	BUTIRAN TAKLIMAT	BUTIRAN PENGAMBILAN DOKUMEN	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	SSBJ/ A01/2018	TAWARAN SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPELUAN BERKAITAN ASRAMA DI SEKOLAH SUKAN BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR.	i. Kod Bidang (MOF) 020101 / 020199  ii. eP enable	<b>Tarikh :</b> 13 Jun 2018 (Rabu)  <b>Masa Pendaftaran :</b> 9.00 pagi  <b>Masa Taklimat :</b> 10.00 pagi  <b>Tempat :</b> Pejabat Sekolah Sukan Bukit Jalil, Aras 1, Kompleks Sukan Negara Kuala Lumpur  <b>Taklimat adalah WAJIB</b>	<b>Tarikh&amp; Masa :</b> 13 - 20 Jun 2018  9.00 pg - 12.00 t/hari 2.30 ptg - 4.30 ptg (Isnin-Khamis)  9.00 pg-12.00 t/hari 3.00 ptg-4.30 ptg (Jumaat)  <b>Tempat :</b> Pejabat Sekolah Sukan Bukit Jalil, Aras 1, Kompleks Sukan Negara Kuala Lumpur  <b>Harga Dokumen :</b> Percuma	<b>TarikhTutup :</b> 22 Jun 2018 (Jumaat)  <b>Masa :</b> 12.00 T/hari  <b>Tempat :</b> Pejabat Sekolah Sukan Bukit Jalil, Aras 1, Kompleks Sukan Negara Kuala Lumpur

2. Semasa taklimat dan pengambilan dokumen sebut harga, penyebut harga hendaklah mengemukakan SIJIL ASAL (untuk pengesahan) dan SALINAN FOTOSTAT (tidak dikembalikan) bagi dokumen-dokumen berikut:

- a. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang lengkap menyatakan kod bidang berkaitan serta masih sah dan berkuatkuasa; dan
- b. Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan yang masih sah dan berkuatkuasa: dan

- c. Sijil Perakuan Pendaftaran Borang D (PerakuanPendaftaran) atau Borang E (Perakuan Pembaharuan Pendaftaran), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Syaikat Enterprise; lengkap bersama senarai nama pemilik; atau
  - d. Borang 24 dan 49 bagi Syarikat Sendirian Berhad; lengkap bersama senarai nama Ahli Lembaga Pengarah.
3. Penyebut harga yang berminat dengan sebut harga adalah **DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT SEBUT HARGA. Selaras dengan arahan Kerajaan, 1Pekelling Perbendaharaan: PK 2.1, Penyebutharga yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak MESTILAH terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah SAHAJA dan TIDAK BOLEH MEWAKILKAN pegawai selain daripada penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia.** Penyebut harga yang telah menghadiri taklimat sahaja dibenarkan mengambil satu Dokumen Sebut Harga bagi satu tawaran. Penyebut harga hendaklah menunjukkan bukti slip kehadiran ke taklimat sebutharga semasa pengambilan Dokumen SebutHarga.
4. Harga yang ditawarkan mestilah mengambilkira segala kos yang terlibat semasa atau selepas tawaran, kos pentadbiran dan lain-lain kos yang berkaitan **termasuk cukai semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan.**
- 4.1 Tawaran harga hendaklah telah mengambil kiraan *fi* perkhidmatan bagi perolehan secara elektronik. Pengiraan *fi* perkhidmatan adalah berdasarkan kepada perkara berikut:
    - i) ***One-time payment***  
Fi perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal adalah sebanyak **kosong perpuluhan lapan peratus (0.8%)** dengan had RM 9,600 bagi pesanan Kerajaan yang bernilai RM 1.2 juta atau lebih.
    - ii) ***Multiple payment***  
Fi perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal adalah sebanyak **kosong perpuluhan empat peratus (0.4%)** dengan had maksimum RM 4,800 bagi setiap transaksi yang bernilai RM 1.2 juta atau lebih.
5. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
6. Tawaran yang **LEWAT** tidak akan diterima.